



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI PENYEJUKAN DAN
PENYAMANAN UDARA
KOD KURSUS : BBE28002
KOD PROGRAM : BBV
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2017
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

- S1 Sistem penyejukan memerlukan penyelenggaraan yang berkesan dan salah satu yang perlu diperiksa ialah *condenser*.
- (a) Terangkan bagaimana untuk memeriksa *condenser*.
(4 markah)
- (b) Apakah perbezaan antara sistem penyaman udara dengan sistem penyejukan?
(6 markah)
- S2 Keseluruhan pergerakan cecair amat penting bagi mengenal pasti bagaimana sistem penyejukan bekerja.
- (a) Lakarkan pergerakan cecair yang berlaku semasa kitaran penyaman udara
(4 markah)
- (b) Keseluruhan sistem penyaman udara dapat memberi manfaat kepada pengguna. Nyatakan apakah manfaat yang diterima oleh pengguna.
(6 markah)
- S3 *Pump Down* ialah satu proses mengepam dan menyimpan gas bahan pendingin di dalam tangki penerima untuk tujuan penjimatan dan mengurangkan kesan rumah hijau apabila gas bahan pendingin CFC dibebaskan ke udara secara berlebihan.
- (a) Senaraikan bahan pendingin yang selamat digunakan dalam sistem penyaman udara.
(5 markah)
- (b) Bahan pendingin juga akan melalui pemampat dan penyejat. Jelaskan perbezaan pemampat dan penyejat dalam sistem penyejukan.
(5 markah)
- S4 Jelaskan fungsi pemampat dan bagaimana keadaan tekanan dan suhu dalam kitaran penyaman udara kenderaan.
(10 markah)
- S5 Huraikan masalah yang biasanya timbul akibat daripada kerosakan peralatan penyaman udara.
(10 markah)

S6 Bagaimanakah kerja-kerja menyelenggara sistem penyejukan dalam kerja pengungsaan dengan menggunakan tolak pancarongga?

(10 markah)

S7 Bahan pendingin memainkan peranan utama dalam sistem penyaman udara. Jelaskan sifat-sifat bahan pendingin kenderaan.

(10 markah)

S8 Jelaskan secara ringkas bagaimana komponen penyaman udara kenderaan berfungsi.

(10 markah)


S9 Sistem penyaman udara terdiri daripada komponen utama bagi memastikan sistem dapat berfungsi dengan baik.

(a) Nyatakan komponen utama dalam sistem penyaman udara.

(5 markah)

(b) Dalam sistem penyaman udara, sebahagian komponen dinyatakan sebagai sistem kawalan, nyatakan komponen yang dikatakan sebagai sistem kawalan.

(5 markah)



Rajah S10

S10 Bahan pendingin akan melalui alat seperti dalam **Rajah S10**. Ia merupakan alat yang penting dalam sistem penyaman udara.

TERBUKA

SULIT

- (a) Berikan nama alat tersebut dan terangkan fungsi alat tersebut dalam sistem penyaman udara.

(5 markah)

- (b) Bahan pendingin juga akan melalui pemampat dan penyejat. Jelaskan perbezaan pemampat dan penyejat dalam sistem penyejukan.

(5 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA

SULIT